

Jabatan Perkhidmatan Awam,

Malaysia,

Rumah Persekutuan,

Kuala Lumpur.

17 hb. Disember, 1971.

Tuan,

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 21 TAHUN 1971

Penarafan semula jawatan2 dalam Perkhidmatan Awam Malaysia Barat berikutan dengan Perlaksanaan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7/1970

Adalah saya di-arah memaalomkan bahawa dengan pelaksanaan perakuan2 Surohanjaya Gaji Suffian melalui [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7/70](#), beberapa perubahan telah di-buat bagi struktur sa-tengah2 sekim perkhidmatan yang memerlukan jawatan2 dalam perkhidmatan2 yang berkenaan itu di-kaji semula untuk menentukan tingkatan bagi tiap2 satu daripada jawatan2 itu. Perubahan struktur ini ada-lah timbul kerana salah satu daripada sebab2 yang berikut:-

- (a) Sa-suatu sekim perkhidmatan itu di-hapuskan sama sekali dan jawatan2-nya di-jadikan jawatan2 dalam perkhidmatan2 lain. Mithal-nya jawatan2 Penyimpan Kira2 yang di-jadikan jawatan2 dalam Perkhidmatan Kerani;
- (b) Tingkatan2 tertentu dalam sa-suatu sekim itu di-hapuskan. Mithal-nya Tingkatan Khas serta Tingkatan Tertinggi 'C', 'B' dan'A' dalam perkhidmatan kerani; dan
- (c) Tingkatan2 kenaikan pangkat bagi beberapa sekim perkhidmatan telah di-ubah sama ada dengan menambah atau mengurangkan bilangan tingkatan tersebut. Mithal-nya dalam perkhidmatan Kerani, Tingkatan2 baharu iaitu Tingkatan2 III, II dan I telah di-ujudkan manakala dalam perkhidmatan Penolong Penguasa Kastam pula Tingkatan Tertinggi-nya telah di-mansohkan.

2. Kerja menilai kira-kira2 21,000 jawatan2 dalam perkhidmatan2 yang berkenaan merupakan suatu usaha yang amat besar. Jabatan Perkhidmatan Awam telah pun menyediakan borang penilaian tugas2 bagi maksud ini dan akan mengedarkan-nya kepada Jabatan2 di-mana terdapat jawatan2 yang perlu di-gredkan semula itu. Dalam pada itu ada-lah di-sedari bahawa selagi jawatan2 itu belum di-tentukan taraf-nya ma-sing2, maka tidak-lah mungkin di-adakan urusan kenaikan pangkat bagi perkhidmatan2 yang berkaitan. Jadi, suatu perotoran sementara waktu perlu-lah di-adakan supaya ke-kosongan yang berlaku akibat daripada persaraan penyandang2 jawatan dan sebagai-nya, boleh di-penohi. Ada-lah di-tegaskan bahawa langkah2 sementara waktu yang di-chadangkan itu mungkin bertentangan dengan prinsip2 perjawatan di-mana jawatan2 yang mempunyai tugas2 dan tanggong-jawab2 yang rengan mempunyai tingkatan yang lebih tinggi daripada jawatan yang mempunyai tugas2 yang lebeh tinggi bertanggong-jawab mithal-nya seorang Pembantu Kerani, Tingkatan Khas yang telah berpindah ka-tangga gaji pegawai Kerani Tingkatan I, tetapi kerja2-nya tidak-lah selaras dengan tugas2 dan

mukasurat 1

tanggong-jawab Pegawai Kerani, Tingkatan I. Dalam keadaan ini Ketua2 Jabatan ada-lah di-minta menggunakan budi-bichara-nya menyusun semula tugas2 bagi jawatan2 dalam perkhidmatan yang berkenaan itu supaya tanggong-jawab jawatan2 itu saboleh2-nya selaras tingkatan bagi jawatan2 dalam Jabatan-nya.

3. Surat Pekeliling ini tidak meliputi jawatan2 Jurutrengkas dan Perekod (Jabatan Polis di-Raja Malaysia). Jawatan2 dalam kedua2 perkhidmatan ini sedang di-gredkan samula oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Bagi jawatan2 lain, prinsip2 untuk menentukan tingkatan jawatan2 yang dikosongkan ada-lah saperti berikut:-

(a) Jawatan2 Kerani Tingkatan Tertinggi 'A' dan 'B' hendak-lah di-jadikan jawatan

Pegawai Kerja/Pegawai Kerja Kira2;

(b) Jawatan2 Kerani Tingkatan Tertinggi 'C' dan Tingkatan Khas hendak-lah di-

jadikan jawatan Kerani Tingkatan I. Perinsip ini ada-lah membatalkan perinsip yang terkandong dalam perenggan 6B mithalan pertama dalam surat Pekeliling Perkhidmatan pertama dalam surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3/71 betarikh 8hb. Februari, 1971;

- (c) Jawatan Ketua Besar Pos Kuala Lumpur yang dahulu-nya ada-lah merupakan jawatan kenaikan pangkat dalam perkhidmatan Pegawai Kerani Pos hendak-lah di-tarafkan sebagai jawatan Pengusa;
- (d) Tingkatan jawatan2 yang tidak di-liputi oleh perenggan2 kecil (a) - (c) di- atas ada-lah di-tentukan mengikut tingkatan penyandang-nya yang asal. Mithal-nya jawatan Penyelenggara Setor yang di-kosongkan oleh sa-orang Pegawai yang telah berpindah kepada tangga gaji Penyelenggara Setor Kanan hendak-lah di-anggap mempunyai tingkatan Penyelenggara Setor Kanan juga; jawatan Pengusa Kanan Kastam dan Pengusa Kastam yang di-kosongkan oleh pegawai yang berpindah ka-tangga gaji Pengusa Kastam hendak-lah di-anggap mempunyai taraf Pengusa Kastam. Tetapi sekira-nya jawatan yang sama di-kosongkan oleh sa-orang pegawai yang berpindah ka-tangga gaji Pengusa Kanan Kastam maka jawatan tersebut menjadi jawatan Pengusa Kanan Kastam;
- (e) Jawatan2 yang di-kosongkan oleh pegawai2 yang berpindah ka-tagga gaji untuk penyandang atau pun tidak memilih berpindah ka-tangga gaji bersih hendak-lah di-anggap sebagai mempunyai tingkatan yang rendah sekali mengikut jadual yang berkenaan dalam Pekeliling Perkhidmatan 7/70. Mithal-nya jawatan yang di-kosongkan oleh seorang Pegawai Kerani Tingkatan Biasa (Jadual 149) yang memilih berpindah ka-tangga gaji khas untuk penyandang hendak-lah di-anggap mempunyai tingkatan Pegawai Kerani Tingkatan III. Jawatan Penolong Pengusa Kastam Tingkatan Tertinggi Jadual 734) yang di-kosongkan oleh sa-orang pegawai yang tidak memilih berpindah ka-tangga gaji bersih hendak-lah di-anggap mempunyai

taraf Penguasa Kastam.

mukasurat 2

4. Peratoran2 sementara ini hendak-lah di-anggap sebagai berkuatkuasa mulai daripada 14.2.71. Pegawai yang telah menerima elaun memangku yang lebih daripada apa yang patut di-terima-nya atau pun tidak layak lagi menerima elaun tersebut mengikut peratoran ini tidak-lah di-kehendaki membayar balek kelebihan atau elaun yang telah di-terima-nya itu. Oleh kerana peratoran ini adalah merupakan suatu langkah sementara waktu sahaja maka ada kemungkinan-nya tingkatan yang kelak di-nilaikan sesuai bagi jawatan2 yang berkenaan akan berbeza dengan tingkatan yang telah di-tetapkan mengikut peratoran sementara ini. Sungguh pun demikian pegawai2 yang telah di-naikkan pangkat mengikut peraturan ini tidak-lah akan di-turunkan pangkatnya sekira-nya jawatan-nya kelak di-nilaikan pada tingkatan yang lebih rendah. Pegawai2 yang memegang jawatan-jawatan yang kelak di-nilaikan pada tingkatan yang lebih tinggi tidak pula sechara otomatis mempunyai hak di-naikkan pangkat ka-jawatan2 itu. Dalam keadaan ini urusan kenaikan pangkat mengikut peratoran2 yang berjalan kuatkuasa-nya sekarang perlu-lah di-jalankan.
5. Sekira-nya terdapat jawatan2 yang tidak di-liputi oleh perenggan 3 di- atas atau pun Ketua2 Jabatan mengalami kesukaran melaksanakan prinsip2 tersebut, maka nasihat Jabatan ini hendak-lah di-perolehi.

Saya yang menurut perentah,

(ABDUL AZIZ BIN MOHAMED)

Pengarah,
Bahagian Perjawatan,
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,

Malaysia.

Semua Ketua2 Setiausaha Kementerian2.

Semua Ketua2 Jabatan Persekutuan

Yang Berhormat,

Setiausaha2 Kerajaan Negeri,

Malaysia Barat.

LAMPIRAN 'A'

Kedudukan Kepegawaian pada 1hb. (bulan).....1971

**Borang Penyata Mengenai Kedudukan Kepegawaian Jawatan2 Kumpulan Pengurusan &
Ikhtisas di Malaysia Barat mengikut Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2/1971**

- CHATETAN:**
1. Kementerian2/Jabatan2/Bahagian2 yang di-kehendaki memenuhi Borang Penyata ini adalah seperti di-senaraikan dalam Lampiran 'C' [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2/1971](#)
 2. Panduan mengenai chara memenuhi Borang Penyata di- bawah ini adalah seperti di- Lampiran 'B' [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2/1971](#)
 3. 2 salinan Borang ini yang telah di-isi hendaklah di-hantar ka- Jabatan Perkhidmatan Awam pada atau sabelum 7hb. tiap2 bulan.

Bil. Jawatan	Bil. Jawatan di-isi		Bil. Kekosongan Ruang 2-(3+4)	Pertu- san ke- kosongan %	Perubahan dalam bulan yg. lepas
	Pegawai Tetap & Konterek	Pegawai Sementara & Pesara bekerja			
					Pengoso- ngan Pengi- sian

(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	(7)	(8)
Nama Kementerian/ Jabatan/Bahagian: 							
Anggaran Persekutuan Anggaran Negeri							
JUMLAH							

Tarikh

.....

Ketua Kementerian/Jabatan/Bahagian

LAMPIRAN 'A'

Kedudukan Kepegawaian pada 1hb. (bulan).....1971

Borang Penyata Mengenai Kedudukan Kepegawaian Jawatan2 Kumpulan Pengurusan &

Ikhtisas di Malaysia Barat mengikut [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2/1971](#)

CHATETAN:

1. Kementerian2/Jabatan3/Bahagian3 yang dikehendaki memenuhi Borang Penyata ini ada-lah saperti di-senaraikan dalam Lampiran 'C' [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2/1971](#)
2. Panduan mengenai chara memenohi Borang Penyata di bawah ini ada-lah saperti di-Lampiran 'B' [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2/1971](#)
3. 2 salinan Borang ini yang telah di-isi hendak-lah di-hantar ka-Jabatan Perkhidmatan Awam pada atau sabelum 7hb. tiap-tiap bulan.

Bil. Jawatan	Bil. jawatan di-isi		Bil. Kekosongan Ruang 2-(3+4)	Pertu- san ke- kosongan %	Perubahan dalam bulan yg. lepas	
	Pegawai Tetap & Konterek	Pegawai Sementara			Pengoso- ngan	Pengi- sian

(1)	(2)	(3)	& Pesara bekerja	(4)	(5)	(6)	(7)	(8)
<p>Nama Kementerian/ Jabatan/Bahagian:</p> <p>.....</p> <p>Anggaran Persekutuan Anggaran Negeri</p>								
JUMLAH								

Tarikh

Ketua Kementerian/Jabatan/Bahagian

LAMPIRAN 'A'

Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1/1971

CHONTOH

Kementerian/Jabatan
Kementerian Kesihatan

Senarai Nama Pegawai yang menyandang jawatan2
yang di-hapuskan berikutan dengan perlaksanaan
Pekeliling Perkhidmatan 7/70.

Bil.	Nama Pegawai	Sekim Perkhidmatan Asal			Pilihan yang di-lakukan			Nama sekim Perkhidmatan	Tingkatan	Jadual Pemindahan dalam P.P. 7/70
		Nama sekim perkhidmatan	Tingkatan	Butiran dalam Anggaran 1970	Tidak Menerima (X)	Menerima gaji bersih untuk penyandang (X)	Menerima gaji bersih hakiki (X)			
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	(7)	(8)	(9)	(10)	(11)
1.	A	Pegawai Kerani (Am)	T.T.A	(32)	-	X	-	-	-	721
2.	B	-sj-	-sj-	(364)	-	X	-	-	-	721
3.	C	-sj-	T.T.B	(33)	-	X	-	-	-	699
4.	D	-sj-	-sj-	(34)	-	X	-	-	-	699
5.	E	-sj-	-sj-	(34)	X	-	-	-	-	699
6.	F	-sj-	T.T.C	(36)	-	-	X	Pegawai Kerja	P.K.	679
7.	G	-sj-	-sj-	(36)	-	-	X	-sj-	-sj-	-sj-
8.	H	-sj-	-sj-	(36)	-	-	X	-sj-	-sj-	-sj-

9.	I	-sj-	-sj-	(36)	-	-	X	-sj-	-sj-	-sj-
10.	J	-sj-	-sj-	(37)	-	-	X	-sj-	-sj-	-sj-
11.	K	Penyimpan Kira2	T.B	(39)	-	-	X	Pegawai Kerani	I	135
12.	L	Pembantu Perpustakaan	T.B	(330)	-	-	X	Pegawai Kerani	I	297
13.	M	Kerani Perpustakaan	T.B	(41)	-	-	X	-sj-	I	149
14.	N	Penyimpan Kira2	T.B	(39)	-	-	X	-sj-	II	135
15.	O	Kerani/ Penyambut	T.B	(129)	-	-	X	-sj-	III	86
16.	P	Penyimpan Kira2	T.B	(39)	-	X	-	Pegawai Kerani	-	135
17.	Q	Setiausaha/ Penyambut	-	(128)(i)	-	-	X	Jurutrengkas	I	422
18.	R	Setiausaha/ Penyambut	-	(128)(i)	-	-	X	Jurutrengkas	II	293
19.	S	-sj-	-	-sj-	-	X	-	Jurutrengkas	-	293

LAMPIRAN 'A'Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1/1971

CHONTOH

Kementerian/Jabatan
Kementerian Kesihatan

Senarai Nama Pegawai yang menyandang jawatan2
yang di-hapuskan berikutan dengan perlaksanaan
Pekeliling Perkhidmatan 7/70.

Bil.	Nama Pegawai	Sekim Perkhidmatan Asal			Pilehan yang di-lakukan			Nama sekim Perkhidmatan	Ting-katan	Jadual Pemin-dahan dalam P.P. 7/70
		Nama sekim perkhid-matan	Ting-katan	Butiran dalam Anggaran 1970	Tidak Mene-rima (X)	Mene-rima gaji bersih untok Penyan-dang (X)	Mene-rima gaji bersih hakiki (X)			
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	(7)	(8)	(9)	(10)	(11)
1.	A	Pegawai Kerani (Am)	T.T.A	(32)	-	X	-	-	-	721
2.	B	-sj-	-sj-	(364)	-	X	-	-	-	721
3.	C	-sj-	T.T.B	(33)	-	X	-	-	-	699
4.	D	-sj-	-sj-	(34)	-	X	-	-	-	699
5.	E	-sj-	-sj-	(34)	X	-	-	-	-	699
6.	F	-sj-	T.T.C	(36)	-	-	X	Pegawai Kerja	P.K.	679
7.	G	-sj-	-sj-	(36)	-	-	X	-sj-	-sj-	-sj-
8.	H	-sj-	-sj-	(36)	-	-	X	-sj-	-sj-	-sj-

9.	I	-sj-	-sj-	(36)	-	-	X	-sj-	-sj-	-sj-
10.	J	-sj-	-sj-	(37)	-	-	X	-sj-	-sj-	-sj-
11.	K	Penyimpan Kira2	T.B	(39)	-	-	X	Pegawai Kerani	I	135
12.	L	Pembantu Perpustakaan	T.B	(330)	-	-	X	Pegawai Kerani	I	297
13.	M	Kerani Perpustakaan	T.B	(41)	-	-	X	-sj-	I	149
14.	N	Penyimpan Kira2	T.B	(39)	-	-	X	-sj-	II	135
15.	O	Kerani/ Penyambut	T.B	(129)	-	-	X	-sj-	III	86
16.	P	Penyimpan Kira2	T.B	(39)	-	X	-	Pegawai Kerani	-	135
17.	Q	Setiausaha/ Penyambut	-	(128)(i)	-	-	X	Jurutrengkas	I	422
18.	R	Setiausaha/ Penyambut	-	(128)(i)	-	-	X	Jurutrengkas	II	293
19.	S	-sj-	-	-sj-	-	X	-	Jurutrengkas	-	293

LAMPIRAN 'A'

Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1/1971

Senarai Nama Pegawai2 yang menyandang jawatan2 yang di-hapuskan berikut dengan perlaksanaan Pekeliling Perkhidmatan 7/70.

Kementerian/Jabatan

